

Enjin baru jimat minyak 30 peratus

KOSMO

31/3/07

MKS 2

Oleh LUQMAN HAKIM RAHIM
mohdluqman@kosmo.com.my

BANGI - Pemandu bakal menikmati penggunaan bahan api yang lebih menjimatkan menerusi rancangan Proton menggunakan enjin Suntikan Terus Gas Asli Termampat (CNGDI) pada kenderaan mereka.

Penggunaan enjin itu yang dijangka dikomersialkan dalam masa beberapa tahun lagi, bukan sahaja mampu menjimatkan penggunaan bahan api malah ia turut lebih mesra alam.

Ketua projek CNGDI, Professor Ir. Dr. Barkawi Sahari memberitahu, enjin berasaskan gas itu dihasilkan daripada pengubahsuaian enjin Campro yang menggunakan sepenuhnya gas asli.

Menurut beliau, kos pengisian gas itu lebih murah dan paling menarik prestasi kuasa enjin itu hampir sama dengan kereta enjin petrol.

"Pegguna dapat menjimatkan hampir 30 peratus kos petrol dengan enjin ini," ujarnya pada sidang media penyerahan sijil penghargaan kepada pasukan penyelidik CNGDI di Hotel Equatorial di sini semalam.

Menurut Barkawi, kereta itu mampu bergerak sejauh 90 kilometer dengan tangki penuh gas sebanyak 100 liter.

Beliau menjangkakan harga kereta itu juga lebih rendah berbanding sedia ada.

"Projek ini juga mendapat perhatian negara luar seperti Pakistan, India dan Bangladesh untuk membeli kereta yang akan dipasang dengan enjin ini," ujarnya.

Projek pengubahsuaian enjin itu yang bermula pada September 2002 berjaya disiapkan pada Disember lalu dan mendapat



BARKAWI (depan) memberi penerangan mengenai enjin CNGDI yang dipasang pada Proton Waja di Hotel Equatorial Bangi semalam.

sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Proton dan Petronas dengan geran sebanyak RM28.8 juta.

Ia dijalankan dengan kerjasama penye-

lidik Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Tekonologi Mara, Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia.